

## Acara hiburan di pekarangan hospital dikecam

**Kota Bharu:** Penganjuran acara hiburan di pekarangan Hospital Kuala Krai (HKK) pada Jumaat lalu dengan menampilkan penyanyi dangdut, sempena sambutan Tahun Baharu, disifatkan tidak sensitif dengan keadaan pesakit.

Malah, tapak lokasi hiburan yang hanya beberapa meter dengan Unit Rawatan Rapi (ICU) dan Unit Forensik, sudah tentu menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan keluarga pesakit yang sedang bertarung nyawa.

Difahamkan, konsert mini anjuran Kelab Kakitangan HKK itu diadakan beberapa jam sehingga jam 12 tengah malam.

### Kecewa dengan penganjur

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gu-chil, Mohamad Roslan Puteh, meluahkan rasa kecewa terhadap penganjur dan hos-pital itu sendiri

**“ Kita akan menyiasat perkara berkenaan.**

**Tindakan susulan akan diambil terhadap penganjur berkenaan”**

**Dr Ahmad Razin Ahmad Maher,**  
Pegawai Kesihatan Negeri Kelantan

berkenaan. Tindakan susulan akan diambil terhadap penganjur berkenaan,” katanya.

# 25,000 penjawat awam perlu bincang dengan PTPTN

» Potongan mandatori dilaksanakan bagi gaji bulan lalu

Oleh Azrul Affandi Sobry  
azr@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

**S**eramai 25,000 penjawat awam yang berdepan tindakan pemotongan mandatori Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), perlu tampil berunding sebelum 18 Januari ini, bagi menikmati potongan tidak lebih lima peratus daripada gaji pokok.

Kegagalan tampil berunding akan menyebabkan tindakan pemotongan gaji secara mandatori yang dilaksanakan oleh PTPTN bagi gaji bulan lalu, diteruskan.

Keputusan itu dicapai pada pertemuan pengurusan tertinggi PTPTN bersama Kongres Kesatuan Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) di sini, semalam.

Pengerusi PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah, berkata PTPTN dan CUEPACS masing-masing mempunyai iltizam yang sama iaitu mahu

### INFO

Arahan potongan gaji 138,201 kakitangan awam yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian dan ketua jabatan

Perkara	20 Oktober 2015	4 Januari 2016
Langsai	2,016 1.5 %	3,940 2.9 %
Potong Gaji	10,360 7.5 %	24,188 17.5 %
Sekali Sekala		
(a) tiada tunggakan	9,760 7.1 %	6,237 4.5 %
(b) ada tunggakan	91,023 65.8 %	85,501 61.9 %
Tidak Bayar	25,042 13.1 %	18,335 13.3 %
<b>Jumlah</b>	<b>138,201 100 %</b>	<b>138,201 100 %</b>

Sumber: PTPTN

memberikan yang terbaik kepada kakitangan awam.

“PTPTN sudah jelaskan secara terperinci kedudukan kami dan tentunya penjelasan lengkap juga berkaitan tindakan terhadap 3,193 penjawat awam tegar.

### Berjumpa dengan PTPTN

“Apa yang penting kini kepada kakitangan awam yang meminjam perlu berjumpa PTPTN. Kami tidak mahu menekan sesiapa dan kami faham dengan keadaan hari ini, namun demi memastikan pelajar yang ke institusi pengajian tinggi (IPT) mendapat dana se-

cukupnya, semua pihak perlu sokong kami,” katanya kepada BH.

Pada perbincangan itu, CUEPACS mengusulkan agar potongan mandatori mengambil kira dengan meninggal baki tidak kurang 40 peratus daripada gaji pokok itu.

Sementara itu, Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda, berkata pihaknya sudah mendapat gambaran penuh mengenai situasi pemotongan gaji mandatori membabitkan 3,193 penjawat awam dan mereka juga berpuas hati kerana gaji yang dipotong itu sudah dipulangkan semula.

“Saya difahamkan mereka hanya sebahagian dari 25,000 peminjam tegar.

“Hasil tindakan itu sudah ramai hadir membuat rundingan dengan PTPTN.

“Saya juga lega kerana PTPTN sudah beri banyak ruang, termasuk wujudkan perjanjian baharu iaitu melanjutkan tempoh bayaran sehingga 15 tahun.

“Ia sekali gus mengurangkan kadar bayaran bulanan sehingga serendah RM103 sahaja.

“Ini sesuatu yang positif dan wajar disambut baik semua pihak,” katanya.